

11 FEB 1998

OVERSEAS BECHTEL MINAT TINGKATKAN PELABURAN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Overseas Bechtel of the United States bersedia untuk meningkatkan pelaburannya di Malaysia dan Indonesia walaupun terdapat krisis kewangan.

"Kami amat positif dengan apa yang dilihat di sini dan kami mahu menjadi sebahagiannya," pengarahnya George Schultz memberitahu pemberita selepas mengujungi Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Katanya syarikat bersedia untuk membabitkan diri sama ada dalam mengeluarkan pinjaman kepada syarikat-syarikat tempatan atau menjadi rakan kongsi ekuiti.

"Kami bukanlah syarikat yang kaya tetapi kami cukup kaya untuk mampu mengambil pegangan di dalam projek-projek kami dari masa ke semasa," katanya. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan apa jenis usaha yang syarikat itu bercadang menceburi atau sebesar mana pelaburan itu kelak.

Overseas Bechtel adalah sebuah kumpulan kejuruteraan dan pembinaan yang terbabit dalam aktiviti berkaitan petroleum, kimia, talian paip, tenaga dan pelbagai kerja pembinaan berat.

Cawangan pelaburannya di Malaysia ialah Overseas Bechtel (M) Sdn Bhd.

Mengulas mengenai krisis kewangan di rantau ini, Schultz, bekas Setia Usaha Negara AS, berkata beliau yakin bahawa Malaysia akan dapat mengatasi krisis itu dengan cepat dengan langkah-langkah yang telah diambil.

"Gambaran asas adalah jelas -- anda tidak mempunyai masalah hutang asing yang besar yang nampaknya dimiliki negara lain.

"Saya fikir orang mulai mengiktiraf bahawa terdapat perbezaan (di antara Malaysia dan negara-negara lain di rantau ini), itulah sebabnya matawang anda menjadi semakin baik dan lebih dekat dengan paras yang lebih berpatutan dan para pelabur kembali semula," tambahnya.

Mengenai perbincangannya dengan Dr Mahathir, Schultz, yang diiringi oleh dua pembantu, berkata ia tertumpu kepada apa yang berlaku di rantau ini.

Beliau telah memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau percaya Malaysia telah diberi nasihat dengan baik supaya tidak meminta bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Schultz sebelum ini melawat Hong Kong, Manila dan Singapura. -- BERNAMA
JR RA OS